

11/10/1997

Teratai nama baru Perawanispa

Zaharah Manan

SEJAK ditubuhkan 13 tahun lalu, Persatuan Amal Isteri Wakil Rakyat Pahang (Perawanispa) cergas menjalankan pelbagai kegiatan, terutama membantu golongan kurang bernasib baik.

Bagaimanapun nama persatuan itu sudah ditukar dengan nama bunga Teratai, tetapi perlembagaan dan kegiatannya tidak diubah serta masih mengutamakan kegiatan amal.

Jawatankuasa persatuan itu yang di pengerusikan isteri Menteri Besar Pahang, Datuk Zurina Kassim menganjurkan Malam Sumbangsih Perawanispa dan Pelancaran Teratai sempena pertukaran nama persatuan itu yang diadakan di Dewan Konvensyen Kuantan, 4 Oktober lalu.

Menurut Zurina, pertukaran nama persatuan itu idea isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang melihat bunga teratai berkembang di Tasik Chini, Pekan ketika mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat tasik itu pada 17 Mac lalu.

Beliau berkata, Dr Siti Hasmah yang terpesona dengan keindahan bunga teratai ketika menaiki bot di Tasik Chini itu menyarankan supaya nama Perawanispa ditukar kepada Teratai kerana nama itu bukan saja ringkas, tetapi mudah disebut.

"Berikutan itu, kami ahli Perawanispa mengambil masa enam bulan untuk melancarkan majlis pertukaran nama persatuan itu selepas mendapat persetujuan daripada semua ahli."

"Kami juga berazam meningkatkan kegiatan amal menjelang Tahun 2000 dan ahli persatuan juga bersetuju menganjurkan Malam Sumbangsih sempena pertukaran nama itu untuk memungut derma daripada pelbagai pihak, terutama badan korporat," katanya.

Malam Sumbangsih Perawanispa dan Pelancaran Teratai itu dimulakan dengan persembahan koir oleh ahli persatuan itu di ketuai Zurina, diikuti ucapan Zurina dan ucapan perasmian oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Hampir 1,000 penonton, termasuk Timbalan Menteri Besar, Datuk Hassan Arifin, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Abdul Ghani Sulaiman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, wakil rakyat dan ketua jabatan turut hadir bagi memeriahkan malam itu.

Dalam ucapannya di majlis itu, Zurina berkata, sungguhpun Perawanispa sudah ditukar kepada Teratai, tetapi usahanya untuk berganding bahu dengan suami masing-masing, terutama membantu golongan daif akan terus dipertingkatkan.

Sementara Mohd Khalil pula berkata, perubahan nama persatuan sempena nama bunga ini bukan saja akan memudahkan menyebutnya, malah dapat melambangkan Pahang yang kaya dengan bunga Teratai, khususnya di Tasik Chini.

Beliau berkata, Malam Sumbangsih itu akan dapat menyemarakkan lagi semangat anggotanya dalam melaksanakan program persatuan.

Katanya, sebagai badan yang dianggotai isteri wakil rakyat, Teratai perlu merangka lebih banyak program amal kebajikan kepada rakyat seluruh negeri ini.

Malam Sumbangsih Perawanispa dan Pelancaran Teratai berjaya memungut sumbangan derma hampir RM1 juta daripada pelbagai badan korporat, termasuk hotel dan resort.

(END)